



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	28/10/2019
JABATAN	:	JPSM
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

## Peringkat akhir warta 14,000 hektar kawasan jadi taman marin

**Lawas:** Hampir 14,000 hektar kawasan perairan di Kuala Lawas, utara Sarawak dalam proses akhir diwartakan sebagai taman marin baharu di negeri ini.

Langkah diambil kerajaan negeri bertujuan bagi melindungi hidupan akuatik, termasuk spesies dugong yang diancam kepupusan di kawasan Kuala Lawas.

Pengerusi Sarawak Forestry Corporation (SFC), Datuk Len Talif Salleh, berkata pewartaan itu nanti akan memastikan sumber perikanan, hidupan liar marin dan habitat terus dilindungi.

Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak itu berharap usaha berkenaan dapat mempromosikan Kuala Lawas sebagai destinasi ekopelancongan berasaskan kawasan kepelbagaian biomarin yang tinggi seperti dugong, penyu, lumba-lumba, burung berhijrah, terumbu karang, paya bakau dan rumput laut.

"Hampir 17,000 hektar lagi kawasan perairan pantai Sarawak sudah dikenal pasti dan dalam proses pewartaan.

"Antaranya Taman Negara Kuala Lawas yang mempunyai keluasan 13,981 hektar," katanya.

Beliau berkata, sebagai bukti menyokong sasaran yang ditetapkan dalam Dasar Kebangsaan Biodiversiti dan Konvensyen Kepelbagaian Biologi, Sarawak komited mewartakan 10 peratus dari keluasan daratan sebagai kawasan terlindung sepenuhnya.

Katanya, pewartaan Taman Negara Marin Luconia Shoals terdiri daripada North Luconia Shoals (Gugusan Beting Raja Jarom) and South Luconia Shoals (Gugusan Beting Patinggi Ali) mempunyai keluasan 1,011.772 hektar bukti komitmen kerajaan negeri mencapai sasaran itu.



**Pewartaan itu pastikan sumber perikanan, hidupan liar marin dan habitat terus dilindungi.**

**Len Talif Salleh,**  
Pengerusi SFC